PERCUMA

Projek 'Jom Ziarah Asnaf' Diperkenalkan Di Pulau Pinang 3

'Berkat Riders' Jejak Peniaga Tunai Zakat Perniagaan 5

PUZ Anjur Seminar Zakat Perniagaan Tarik Minat Usahawan Muslim Tunai Zakat 6

Infozakat

PUSAT URUS ZAKAT PULAU PINANG Keluaran 02/2011 www.zakatpenang.com

PROGRAM NUR RAMADHAN: FAKIR MISKIN CERIA SAMBUT RAMADHAN AL-MUBARAK

BAYAN LEPAS,18 JULAI 2011 Program Nur Ramadhan adalah projek tahunan PUZ menjelang tibanya Bulan Ramadhan yang mulia ini. Penerima bantuan terdiri dari kumpulan asnaf Fakir dan Miskin yang menerima bantuan kewangan bulanan dan makanan bulanan daripada skim agihan PUZ.

Tujuan Program Nur Ramadhan ini diadakan adalah untuk meringankan beban dan menceriakan asnaf sempena menyambut bulan Ramadhan seterusnya Hari Raya Aidilfitri.

Untuk kali ini, sebanyak dua (2) siri Program Nur Ramadhan dianjurkan iaitu di Dewan Milenium, Kepala Batas khusus untuk golongan asnaf yang bermastautin di daerah Seberang Perai dan satu lagi di Kompleks Lembaga Tabung Haji, Bayan Lepas untuk golongan asnaf yang menetap di kawasan Barat Daya dan Timur Laut Pulau Pinang.

Untuk program Nur Ramadhan di Kepala Batas, sejumlah 1,146 orang telah menerima bantuan melibatkan jumlah bantuan wang tunai sejumlah RM343,800 dan nilai hamper berjumlah RM69,960. Di Bayan Lepas pula, 425 orang fakir miskin telah menerima bantuan melibatkan jumlah bantuan wang tunai sejumlah RM127,500 dan nilai hamper berjumlah RM25,500.

Dalam program Nur Ramadhan ini, penerima bantuan menerima wang tunai sejumlah RM300 dan hamper makanan bernilai RM60 setiap orang.

1,650 AMIL ZAKAT FITRAH TERIMA TAULIAH: ZAKAT FITRAH KEKAL RM7.00

KEPALA BATAS,14 JULAI 2011 Seramai 1,650 orang telah diberikan tauliah oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk memungut dan mengagihkan zakat fitrah bagi tahun 2011M/ 1432H di negeri Pulau Pinang. Majlis pentauliahan ini diadakan di Dewan Milenium Kepala Batas melibatkan 226 buah Qaryah Pulau Pinang.

Demi memastikan Amil Zakat Fitrah menjalankan tugas mengikut piawai dan tahap sfesifikasi yang telah ditetapkan, terdapat dua (2) kertas kerja telah dibentangkan dengan jayanya. Kertas kerja pertama bertajuk "Zakat Fitrah Sebagai Penanda Aras" telah dibentangkan oleh Y. Bhg. Profesor Dr. Kamarulazizi bin Ibrahim – Ahli Lembaga Pengarah PUZ. Beliau juga merupakan Pensyarah di Nano Optoelectronic Research Laboratory (NOR), Pusat Pengajian Fizik, USM.

bersambung di muka 7

..iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Surah Al-Baqarah (Ayat 3)

JOM ZIARAH ASNAF

PERMATANG RAWA, 23 MEI 2011

PUZ melalui pendekatan khas, 'Jom Ziarah Asnaf 2' telah berjaya menemui sepasang suami isteri warga emas yang hidup daif di dalam sebuah pondok kecil di kawasan Permatang Rawa, Bukit Mertajam. Pasangan suami isteri tersebut memperoleh pendapatan harian hanya dengan mengutip kotak untuk dijual. Keluarga ini berjaya dikesan dengan bantuan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah.

Selain pasangan tersebut, PUZ turut menemui sebuah keluarga miskin yang tinggal di situ. Ketua keluarga berkenaan dikatakan sakit buah pinggang dan sedang menjalani perubatan secara tradisional di rumah keluarganya di Kedah. Urusan keluarga kini ditadbir oleh ibu yang bekerja di pasar borong berhampiran dengan mengambil upah sambilan membersihkan ikan. Enam (6) orang anak masih tidak mampu untuk disekolahkan kerana masalah pendapatan seharian yang tidak menentu dan hanya bergantung dengan bantuan bulanan JKM.

Tambah menyedihkan, kedua-dua keluarga tersebut hanya menadah air hujan untuk dijadikan air minuman serta mandi air perigi kotor yang dikorek sendiri. Mereka turut menangkap ikan di parit berdekatan untuk dijadikan lauk. Kawasan tempat 2 keluarga ini tinggal turut kerap dinaiki air terutama apabila hujan lebat. Adakala apabila keadaan terdesak, mereka terpaksa tidur di bangunan terbiar di kawasan Bandar Perda sehinggalah paras air kembali turun.

Justeru itu, PUZ mengambil keputusan untuk menyalurkan bantuan seberapa segera kepada keluarga ini termasuk bantuan kewangan dan makanan bulanan.



GEORGETOWN, 8 JUN 2011

Untuk aktiviti 'Jom Ziarah Asnaf' siri 3 ini, PUZ telah berjaya membuat lawatan ke 17 buah rumah di sekitar Flat Padang Tembak, Georgetown. Lawatan ini berjaya dibuat hasil bantuan Pihak Berkuasa Tempatan dan maklumat orang ramai. PUZ mendapati, kebanyakan daripada senarai nama tersebut layak menerima bantuan dari PUZ.

PROJEK 'JOM ZIARAH ASNAF' DIPERKENALKAN DI PULAU PINANG

KUBANG SEMANG,18 MEI 2011
Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh bin Man - Ahli Lembaga Pengarah PUZ merangkap Timbalan Yang DiPertua MAINPP bersama kakitangan PUZ telah mengadakan *'Jom Ziarah Asnaf'* sebagai salah satu usaha untuk merealisasikan slogan 'Merakyatkan Zakat'.

Program *'Jom Ziarah Asnaf'* antara lain bertujuan untuk melihat sendiri kehidupan golongan yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama masyarakat.

Sepanjang program *'Jom Ziarah Asnaf '* ini dijalankan, tiga (3) keluarga yang telah dikenalpasti iaitu keluarga Encik Mohd Zamri bin Ismail dan keluarga Encik Md Yusof bin Zakaria yang kedua-duanya menetap di Mukim 5 Kubang Semang, Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam. Turut dilawati keluarga Puan Nor Hasenah binti Ismail yang menghidap penyakit buah pinggang.

Mohd Zamri bin Ismail, 48 tahun seorang duda telah mengalami lumpuh sebelah anggota badan dan tidak lagi boleh bekerja dan pendapatan hasil bantuan Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM150.00 sebulan. Beliau hanya mengharapkan bantuan kawan-kawan yang membawanya ke kedai untuk makan minum hariannya.

***DEMI ASNAF...** YB Salleh (kanan sekali) menziarahi keluarga Zamri Ismail di rumahnya.*

***BANTU...**Keluarga Nor Hasenah Ismail melihat sumbangan barangan keperluan harian yang disampaikan.*

Manakala Mohd Yusof bin Zakaria, 61 tahun kini telah terlantar sakit dan hilang mata pencarian dan

***SAKIT...** Mohd Yusof Zakaria yang terlantar sakit.*

tinggal bersama isteri. Pemohon amat memerlukan kewangan secara bulanan bagi meneruskan kehidupan.

Turut dilawati Puan Nor Hasenah binti Ismail, 49 tahun kini masih dirawat di pusat rawatan swasta dan kos rawatan Dialisis telah ditanggung oleh pihak PERKESO tetapi masih memerlukan bantuan tambahan untuk suntikan EPREX.

Atas dasar itu, PUZ mengambil inisiatif untuk menyumbangkan sumbangan barangan keperluan harian dan memproses permohonan bantuan kepada pemohon serta-merta. Turut serta sepanjang ziarah ini ialah Pengerusi Qaryah Kubang Semang, dan Pengerusi bersama Setiausaha JKKK Kubang Semang.

PENERANGAN PROJEK AGIHAN UNTUK GERAK KERJA KADUN 2011

***ALUAN...** Wakil dari Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyampaikan ucapan aluan.*

GEORGETOWN,11 MEI 2011
Sempena Program Taklimat Gerak Kerja Pegawai Seranta dan Penyelaras KADUN 2011 yang diadakan di Auditorium C, Tingkat 5, Komtar, PUZ hadir untuk menyampaikan penerangan berhubung projek agihan zakat yang disediakan kepada penerima-penerima zakat di seluruh negeri Pulau Pinang.

***JELAS...** Ustaz Mohamad Kairi Ghazalli sedang menyampaikan maklumat tentang sisten agihan zakat di Pulau Pinang.*

Penerangan berhubung projek agihan zakat ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohamad Kairi bin Ghazalli; Penolong Pengurus Besar, Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat PUZ.

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh Penyelaras

***FOKUS...** Peserta sedang mendengar taklimat yang disampaikan.*

Kadun dan Pegawai Seranta. Objektifnya, dengan informasi yang disampaikan itu diharapkan maklumat pengagihan zakat dapat difahami oleh masyarakat sehingga ke akar umbi dan seterusnya memudahkan golongan asnaf mendapat bantuan zakat.

Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat: dan ruku'lah kamu semua (berjama'ah) bersama-sama orang yang ruku'.

Surah Al-Baqarah (Ayat 43)

RM9.5 JUTA WANG ZAKAT UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN DI PULAU PINANG

SEBERANG JAYA,06 APRIL 2011

Bertempat di Wisma Perkeso Seberang Jaya, PUZ telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat kepada Institusi-Institusi Islam Negeri Pulau Pinang dan Pembayaran Zakat Perniagaan Korporat. Tujuan majlis ini diadakan antara lain adalah untuk memperlihatkan kepada masyarakat khususnya kepada pembayar-pembayar zakat betapa pentingnya sumbangan zakat mereka dalam membangunkan institusi pendidikan dan keilmuan di negeri Pulau Pinang.

Program yang julung kalinya diadakan ini juga cuba mempromosikan agihan zakat terutamanya berkaitan peruntukan tahunan zakat kepada agensi-agensi Islam untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh MAINPP, yang sebelum ini tidak begitu disedari oleh masyarakat di negeri ini. Antara agensi yang turut menerima sumbangan geran ini termasuklah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Unit Ukhwah JHEAIPP, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Sekolah Agama Rakyat Pulau Pinang dan beberapa agensi Islam lain yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan dan menyampaikan syiar Islam kepada kumpulan sasaran.

Dalam majlis yang sama, PUZ turut menyampaikan bantuan zakat kepada 200 orang penerima bantuan sara hidup, persekolahan dan bantuan IPT melibatkan wang zakat yang diagihkan sejumlah RM111,700.00.

BIL	NAMA AGENSI	JUMLAH (RM)
1.	JHEAIPP – Unit Pendidikan	2,729,000.00
2.	MAINPP – (Emolumen)	2,187,000.00
3.	JHEAIPP – Unit Ukhuwah	1,076,500.00
4.	JHEAIPP – Bahagian pengurusan Masjid, Surau Kariah dan Takmir	1,037,720.00
5.	MAINPP – Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)	1,000,000.00
6.	MAINPP – Darul Hannan	500,000.00
7.	JHEAIPP – Rumah Transit Darul Hidayah	438,5000.00
8.	Sekolah Agama Rakyat (SAR) Pulau Pinang	230,000.00
9.	JHEAIPP – Bahagian Dakwah	172,060.00
10.	JHEAIPP – Unit Undang-undang	94,600.00
11.	Pusat Serenti Bukit Mertajam	15,000.00
12.	Pusat Serenti Kampung Selamat	15,000.00
13.	Penjara Pulau Pinang15,000.00	
14.	Penjara Seberang Perai Selatan	15,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	**9,525,380.00**

PIDATO ZAKAT 2011: TANAM KESEDARAN BERZAKAT DI SEKOLAH

***BERSEMANGAT**...Salah seorang peserta lelaki sedang menyampaikan pidatonya.*

BUKIT MERTAJAM,30 JUN 2011

Untuk tahun ketiga berturut-turut, PUZ dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (JPN) dan SMA Al-Masriyah selaku tuan rumah telah menganjurkan Pidato Zakat 2011. Untuk pertandingan kali ini, seramai 24 orang pelajar dari lapan (8) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan empat (4)Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Objektif utama pertandingan ini dianjurkan antara lain untuk menanam kesedaran berzakat sejak di bangku sekolah lagi, mendedahkan maklumat berkaitan aktiviti pengurusan kutipan

bersambung di muka 6

'BERKAT RIDERS' JEJAK PENIAGA TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN

PERMATANG PAUH,26 JUN 2011
Seawal pagi, skuad 'Berkat Riders' memulakan operasinya di sekitar kawasan Permatang Pauh, Bukit Mertajam. Sepanjang perjalanan,'Berkat Riders' menyusuri beberapa lokasi taman perumahan sambil mengedarkan risalah berkaitan informasi zakat.

Skuad 'Berkat Riders' meneruskan perjalanan ke Pasar Awam Permatang Pauh bagi menjejaki peniaga-peniaga muslim sambil berkempen menunaikan Zakat Perniagaan.

Sepanjang operasi seramai hampir 40 orang peniaga yang sempat ditemubual dan direkodkan sebagai prospek zakat, manakala para pengunjung pasar turut mengambil peluang mendapatkan informasi berkaitan pengurusan zakat di Pulau Pinang. Selain peniaga, pengunjung yang bertuah turut mendapat cenderahati eksklusif dari PUZ.

***KEMPEN**...Skuad 'Berkat Riders' yang juga kakitangan PUZ sedang menjalankan operasi 'Jejak Peniaga' di sekitar kawasan Permatang Pauh.*

***REKOD**...Segala maklumat berkaitan perniagaan direkodkan oleh Skuad 'Berkat Riders' untuk memudahkan proses pengiraan Zakat Perniagaan di kemudian hari.*

***PROSPEK**...Skuad 'Berkat Riders' sedang menemubual salah seorang Peniaga Muslim di Pasar Awam Permatang Pauh.*

***RIDE FOR RIGHT**...Berbekalkan motosikal masing-masing, Skuad 'Berkat Riders' bergerak di sekitar Pulau Pinang demi menyampaikan kebenaran Rukun Islam ke-3 ini.*

SKIM POTONGAN ZAKAT BULANAN DI SEKTOR PERKILANGAN

BAYAN BARU,07 JUN 2011
PUZ dalam menyatakan agresifnya terhadap kutipan zakat di Pulau Pinang, memperkenalkan Ops Zakat Sektor Kilang. Selain jabatan kerajaan, PUZ turut meletakkan sasaran operasi utama untuk sektor perkilangan. PUZ dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia kilang-kilang yang telah dikenalpasti.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, sektor ini menjadi penyumbang kedua tertinggi selepas sektor kerajaan. Jumlah keseluruhan yang direkodkan sepanjang tahun 2011, tidak termasuk lain-lain sektor swasta sebanyak RM6.5 juta berbanding sektor kerajaan iaitu sebanyak RM7.7 juta.

Dari segi jumlah pembayar, sektor perkilangan terus mendahului senarai di mana tahun 2010, jumlah pembayar dicatatkan seramai 17,285 orang (44%) berbanding keseluruhan pembayar Skim Potongan Zakat Bulanan (SPZB) seramai 39,291 orang.

Jadual 'Roadshow' PUZ di beberapa lokasi terpilih bermula Februari 2011 sehingga Jun 2011 :-

Tarikh	Syarikat	Potongan Zakat (sebulan)	Jumlah Pembayar (org)
9, 14 & 17 Februari 2011	Jabil Circuit SB	RM 9,124.00	414
28 Mac 2011	Agilent Technologies SB	RM 3,009.00	72
20, 21 & 26 April 2011	Philip Lumileds SB	RM 6,031.00	179
26 & 29 April 2011	Flextronics SB	RM 4,860.00	192
19, 20 & 26 April 2011	Sony Electronics (M) SB	RM 4,757.00	102
16, 19 & 24 Mei 2011	Fairchild Semi.(M) SB	RM 3,887.00	156
7, 8 13 & 16 Jun 2011	WD Media (M) SB	RM 5,110.00	195

bersambung di muka 6

Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu-bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah solat serta berilah zakat." Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Surah Al-Baqarah (Ayat 83)

PUZ ANJUR SEMINAR ZAKAT PERNIAGAAN TARIK MINAT USAHAWAN MUSLIM TUNAI ZAKAT

BERNAS...*Ustaz Ellias Zakaria sedang menyampaikan ceramahnya kepada peserta seminar.*

MEMBERI MAKNA...*Pengurus Besar PUZ (dua dari kanan) sedang menjawab persoalan yang diajukan peserta.*

TANYA...*Salah seorang peserta mengambil peluang mengajukan soalan kepada ahli panel sewaktu sesi dialog.*

KEPALA BATAS,12 MEI 2011 PUZ dengan kerjasama pihak MARA Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Seminar Zakat Perniagaan, khusus kepada peserta bimbingan MARA. Lebih 100 orang peserta telah hadir di Auditorium Dewan Millenium bagi mengikuti seminar yang pertama kali diadakan dengan kerjasama MARA Negeri.

Pada sesi pertama, pihak pengurusan PUZ telah menyampaikan taklimat bertajuk *'Pengurusan Zakat di Negeri Pulau Pinang'*. Sesi pembentangan kertas kerja kedua pula oleh Tuan Haji Ustaz Ellias bin Haji Zakaria; Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PUZ dengan tajuk *'Keberkatan Rezeki dalam Perniagaan'*.

Seminar diakhiri dengan satu sesi dialog untuk memberi ruang seluasnya kepada para peserta untuk mengajukan pandangan atau persoalan. Panel sewaktu sesi dialog ini terdiri dari kedua-dua pembentang kertas kerja dan juga turut serta wakil dari pihak MARA sendiri iaitu Encik Zulkefli Sedek - Pegawai MARA Daerah Timur Laut. Hadir sama dalam seminar tersebut Puan Siti Aminah Yahaya - Timbalan Pengarah MARA Negeri Pulau Pinang.

sambungan dari muka 4

dan agihan zakat di kalangan pelajar di samping mewujudkan jalinan kerjasama di antara PUZ, JPN dan seluruh warga pendidik khasnya di SMA dan SMKA.

Kategori lelaki, Muhamad Firdaus bin Abu Mansor mewakili SMA Maa'had Al-Mashoor Al-Islami, Balik Pulau telah tampil sebagai juara, diikuti Ammar Yassir bin Halim dari SMA Al-Ahmadiah Al-Islamiah selaku naib juara, manakala tempat ketiga disandang oleh Ahmad Muaz bin Supian dari SMA Al-Irshad.

Untuk kategori perempuan pula, SMA Al-Ahmadiah Al-Islamiah telah muncul sebagai juara dengan pemidatonya Nur Hana Syazana binti Ahmad Zainorien, naib juara disandang oleh Nor Solehah binti Abdullah dari SMA Al-Irshad, manakala SMA Tarbiah Islamiah yang diwakili Syamsyathul Mardiah binti Akbar Ali di tempat ketiga. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Ustaz Ellias bin Zakaria – Yang DiPertua MAINPP.

BERNAS...*Peserta wanita sedang memberikan hujah-hujah bernas.*

Turut hadir sama memeriahkan pertandingan ialah Yang Berbahagia Ustaz Abd Razak bin Haji Osman – Ketua Sektor Pendidikan Islam JPN Pulau Pinang.

sambungan dari muka 5

BERIBADAH...*Kakitangan Fairchild Semi. (M) SB mengambil peluang mendaftar SPZB.*

SUCI HARTA...*Kaunter zakat dipenuhi pekerja Jabil Circuit SB.*

BANK RAKYAT TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN TAHUN KEWANGAN 2010

BAYAN BARU,05 MEI 2011

Bank Rakyat sekali lagi menunaikan tanggungjawabnya mengeluarkan zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2010 dengan jumlah RM1,016,146.00. Berdasarkan jumlah ini, zakat perniagaan Bank Rakyat telah menunjukkan pertambahan sebanyak RM122,623.00, berbanding pembayaran zakat perniagaan pada tahun 2009 iaitu hanya RM893,523.00.

T.Y.T. Tun Dato' Seri Utama Dr.Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas - Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang telah sudi menerima zakat tersebut bagi pihak MAINPP. Manakala pihak Bank Rakyat diwakili oleh Y.Bhg. Dato' Kamaruzaman bin Che Mat - Pengarah Urusan Bank Rakyat.

Hadir sama di majlis ini ialah Y.B. Dato' Mansor bin Othman - TKM 1 Pulau Pinang, Al-Fadhil Ustaz Haji Ellias bin Haji Zakaria - YDP MAINPP, Tuan Haji Sazali bin Hussein - Pengarah JAIPP, Encik Yusof bin Abd Rahman - Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat Bank Rakyat, Ahli Lembaga Pengarah PUZ dan Pengurusan Kanan Bank Rakyat.

***BERKAT...** Y.Bhg Dato' kamaruzaman Che Mat, Pengarah Urusan bank Rakyat menyerahkan zakat perniagaan kepada T.Y.T.Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang*

sambungan dari muka 1

Kertas kerja ini memperkenalkan idea strategi pelaksanaan untuk mengumpul dan menganalisa statistik Penduduk Islam yang benar-benar menetap di Pulau Pinang dengan menjadikan pembayaran Zakat Fitrah sebagai penanda aras. Resolusinya, pihak PUZ telah bersetuju untuk menjadikan Amil Zakat Fitrah yang dilantik pada hari itu sebagai pembanci yang akan membantu mendapatkan data penduduk di setiap qaryah masing-masing.

Kertas kerja kedua pula bertajuk "Tranformasi Amil Fitrah" yang dibentangkan oleh Y.B. Dr. Mujahid Yusuf – Ahli Lembaga Pengarah PUZ . Kertas kerja ini bertujuan untuk mendedahkan suatu keadaan yang menuntut para amil mengubah cara dan bentuk mereka menjalankan tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan melalui kaedah 'transformasi'.

Bengkel ditutup dengan rasminya oleh Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pulau Pinang. Untuk tahun 2011M / 1432H, Zakat Fitrah kekal RM7.00 sama seperti tahun lalu.

KUTIPAN ZAKAT HARTA NEGERI PULAU PINANG Januari - Jun 2011

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)	BIL. PEMBAYAR
PENDAPATAN	13,483,143.29	40,881
PERNIAGAAN	5,283,808.82	291
WANG SIMPANAN	2,482,001.06	1,979
ZAKAT HARTA (umum)	591,063.28	193
KWSP / CARUMAN BERKANUN	570,806.72	505
TANAMAN	138,650.40	349
EMAS	127,675.36	171
SAHAM / BON	57,182.34	76
JUMLAH	**22,734,331.27**	**44,445**



AGIHAN ZAKAT HARTA NEGERI PULAU PINANG Januari - Jun 2011

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)	BIL. PENERIMA
FAKIR	1,271,312.80	872
MISKIN	10,277,428.21	9,570
AMIL	1,975,163.01	1
MUALLAF	506,025.57	286
AL-GHORIMIN	647,122.73	173
IBN SABIL	45,799.20	116
FISABILILLAH	6,627,706.77	274
JUMLAH	**21,350,558.29**	**11,292**



Wahai orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu sebelum tibanya hari (Kiamat) yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang kafir, mereka itulah orang yang zalim.

Surah Al-Baqarah (Ayat 254)

PUZ 'TURUN PADANG' BERSAMA QARYAH TITI TERAS

TITI TERAS,01 MEI 2011

PUZ bertekad untuk meningkatkan lagi program berbentuk 'turun padang' bersama-sama dengan jabatan kerajaan, qaryah dan NGO. Sebagai pemacunya, PUZ telah menyertai Program Komuniti anjuran Jabatan Khidmat Masyarakat MPPP bersama qaryah Masjid Titi Teras.

Selain menyampaikan maklumat tentang hal ehwal pengurusan zakat di negeri Pulau Pinang, ahli qaryah yang kurang berkemampuan layak mendapatkan maklumat bantuan zakat yang disediakan oleh PUZ khususnya bantuan permulaan ke IPT dan sara hidup.

***BERKHIDMAT...** Kaunter Perkhidmatan Zakat dibuka sepanjang program berlangsung.*

***BANTU...** Dua (2) orang penerima yang layak menerima kerusi roda melalui wang zakat.*

Tambah beerti, dalam program ini juga PUZ telah menyumbang dua (2) buah kerusi roda kepada penerima yang telah dipilih oleh pihak Jawatankuasa Penganjur. Sumbangan telah disampaikan oleh Y.Bhg. Puan Ar Hajah Patahiyah Bt Ismail - Yang DiPertua MPPP.

BELATI WANGSA & PPN TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN

BANDAR PERDA,28 APRIL 2011

Belati Wangsa Sdn. Bhd. bersama Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) telah menunaikan kewajipan berzakat mereka. Majlis berlangsung di ibu pejabat PUZ di Bandar Perda, Bukit Mertajam. Belati Wangsa diwakili oleh Encik Mohamad Badrudin Bin Abu Yamim - Penolong Pengurus Hal Ehwal Korporat manakala Pertubuhan Peladang Negeri diwakili oleh Y.Bhg. Dato' Haji Ismail Bin Omar - Ahli Jemaah Pengurusan PPN.

Pihak Belati Wangsa telah menunaikan zakat perniagaan dengan jumlah RM90,600.00 manakala pihak PPN sejumlah RM102,204.75. Zakat perniagaan tersebut telah disampaikan kepada Al-Fadhil Ustaz Haji Ellias Bin Haji Zakaria - YDP MAINPP merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PUZ.

TERTUNAI...Para pembayar zakat perniagan bergambar kenangan di Ibu Pejabat PUZ.

TNB TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN

***LAFAZ...** Wakil TNB sedang melafazkan akad pembayaran Zakat Perniagaannya.*

***TANDA TERIMA KASIH...** YDP MAINPP menyampaikan cenderahati sebagai tanda ucapan terima kasih di atas pembayaran Zakat Perniagaaan TNB.*

SEBERANG JAYA,06 APRIL 2011

PUZ menerima bayaran zakat perniagaan korporat daripada Tenaga Nasional Berhad sejumlah RM1,029,476.74. Majlis disempurnakan oleh Tuan Haji Ellias Zakaria, YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Turut hadir bersama ialah Tuan Ir. Abdul Aziz Jaafar, Pengurus Besar Negeri, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pusat Urus Zakat
Majlis Agama Islam
Negeri Pulau Pinang

No. 4,
Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel: 04-537 8088
Faks: 04-530 6466
Hotline: 1 300 88 8808